



KENYATAAN MEDIA
16 JANUARI 2025

Portal MyEnergyStats ST: Gerbang Data Terbuka Sektor Tenaga Negara

Putrajaya, 16 Januari 2025 – Portal *MyEnergyStats* yang merupakan gerbang data terbuka sektor tenaga di Malaysia telah diluncurkan secara rasminya oleh pihak Suruhanjaya Tenaga (ST) pada hari ini. Portal ini merupakan *One-Stop Center for Energy Statistics and Information* di Malaysia yang dibangunkan bagi mendigitalisasi data tenaga negara serta memastikan maklumat strategik lebih mudah diakses oleh pelbagai pihak, termasuk penggubal dasar, industri, penyelidik, dan masyarakat umum.

Dalam ucapan perasmian majlis ini, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), YAB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof berkata Portal *MyEnergyStats* ini dibangunkan semula untuk memastikan ia terus relevan, mesra pengguna, dan setaraf dengan portal antarabangsa seperti yang dibangunkan oleh *International Energy Agency* (IEA) dan *International Renewable Agency* (IRENA).

“Bagi penggubal dasar, portal *MyEnergyStats* ini merupakan instrumen penting yang menyediakan data sebenar dan analisis untuk merangka dasar-dasar strategik. Bagi pihak industri pula, portal ini menawarkan maklumat penting untuk membuat keputusan pelaburan strategik,” katanya.

Portal *MyEnergyStats* yang baharu ini menawarkan pelbagai ciri dan kemudahan terkini seperti visualisasi data yang lebih menarik, peta interaktif, serta keupayaan

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

pengumpulan data yang lebih sistematik. Aplikasi mudah alih *MyEnergyStats* juga boleh diakses di pelbagai platform dan dimuat turun oleh pengguna *iOS*, *Android*, dan *HarmonyOS*.

Portal ini juga menampilkan *microsite* AdiwiraST yang merangkumi kandungan yang interaktif dan mudah difahami serta menyokong silibus Kementerian Pendidikan Malaysia.

YAB Dato' Sri Haji Fadillah turut berkata Portal *MyEnergyStats* dapat membantu sektor swasta mengenal pasti peluang dalam peralihan tenaga, termasuk teknologi baharu yang menyokong agenda hijau negara. Ini bukan sahaja mengukuhkan daya saing industri tetapi juga menyokong usaha kolaborasi awam dan swasta ke arah pembangunan tenaga yang lestari.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif ST, Dato' Ir. Ts. Abdul Razib bin Dawood berkata inisiatif kita ini telah memberikan impak yang luas, khususnya dalam memenuhi keperluan domestik dan antarabangsa. Sebagai contoh, data-data yang diterbitkan diguna dalam pelaporan pelepasan gas rumah kaca (GHG) serta penyediaan Laporan *Biennial Transparency Report* (BTR) negara yang selaras dengan Perjanjian Paris.

“Data-data ini juga digunakan untuk menyokong pembangunan Dasar Tenaga Negara (DTN) serta pelan pelaksanaan berkaitan seperti Pelan Hala Tuju Tenaga Boleh Baharu Malaysia (MyRER) dan Pelan Peralihan Tenaga Negara (NETR). Malah, ia turut digunakan oleh badan antarabangsa seperti *Asia Pacific Energy Research Centre* (APEREC) dalam laporan *APEC Energy Demand and Supply Outlook* serta *ASEAN Center for Energy* (ACE) dalam laporan *ASEAN Energy Outlook*,” katanya.

Untuk makluman lanjut berkenaan perkara ini, sila layari laman sesawang ST di www.st.gov.my atau hubungi kami di talian 03-8870 8500.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

*****TAMAT*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Veliana Ruslan/Hazwani Ghazali/Harith Safruddin

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03-8870 8753/019-2131978 (Veliana) / 011-28866271 (Hazwani) / 018-3822545 (Harith)

Emel: veliana@st.gov.my / noorhazwani@st.gov.my / harith@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.